

17 JAN 1998

PIKOM SOKONG KERAJAAN TANGANI MASALAH "PEPIJAT ALAF"

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) bersedia menyokong kerajaan dalam membantu syarikat Industri Kecil Sederhana (IKS) menangani masalah "Pepijat Alaf" atau "Millenium Bug."

Pengarah eksekutifnya, Alan Fung di sini hari ini berkata persatuan itu kini mengawasi dengan teliti perkembangan terbaru mengenai perkara itu dan dalam masa yang sama mengenalpasti cara-cara bagaimana 250 anggota Pikom yang sedia ada boleh bekerjasama memberikan bantuan.

"Y2K" atau Pepijat Alaf adalah masalah perisian komputer tahun 2000 yang merujuk kepada ketidakmampuan kebanyakan sistem komputer untuk membaca data dalam alaf baru.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) berkata kerajaan meneliti IKS kerana mereka mungkin berdepan dengan masalah serius dengan Pepijat Alaf atau Y2K.

"Saya berpendapat Pikom sekurang-kurangnya boleh memainkan peranan tidak secara langsung kerana kami mempunyai hubungan baik dengan beberapa pengeluar perisian Y2K asing, di mana kami boleh membincangkan mengenai isu ini dengan mereka," kata Alan.

Fung berkata demikian kepada pemberita selepas Profesor Ian O. Angell daripada School of London Economics menyampaikan ceramah mengenai "Teknologi Maklumat (IT) dan Masa Depan: Implikasi terhadap Malaysia" anjuran Pikom serta Mimos Bhd.

Menurut Fung, Pikom sedang menunggu maklumat terperinci mengenai cadangan penubuhan pasukan khas Y2K oleh biro Y2K.

Sekretariat NITC dalam satu kenyataan terbaru berkata biro itu akan bekerjasama dengan pihak berkuasa kawal selia untuk menjamin pertubuhan-pertubuhan di bawah kawalan mereka akan menangani masalah Y2K.

Fung berkata pasukan khas biro itu mungkin terdiri daripada sepasukan pakar IT yang sebenarnya pembekal-pembekal perisian Y2K antarabangsa.

Masalah Y2K dijangka berlaku kerana program dan peralatan elektronik, sebagai contohnya, menggunakan digit "00" bagi mewakili 2000, dan ia adalah nombor yang sama mewakili tahun 1900 dalam sistem dua digit.

Bagaimanapun, ramai orang mempunyai tanggapan yang salah mengenai masalah Y2K kerana mereka mengandaikan ia hanyalah satu masalah biasa komputer.

Semua komputer di seluruh dunia akan berdepan dengan masalah ini kerana kebanyakan pembuat dan pengguna komputer cenderung menggunakan dua digit terakhir tahun seperti 96 atau 97 daripada menggunakan nombor penuh 1996 atau 1997 apabila menyimpan data dalam komputer mereka.

"Jadi, jika mereka merujuk kepada rekod yang disimpan dalam komputer sebelum 1999 dalam alaf baru, ia akan memberikan maklumat yang "salah" manakala perkiraan pula tidak tepat."

Terdahulu, Prof Angell berkata ia adalah satu rahmat yang tersembunyi bagi Malaysia kerana mempunyai keupayaan untuk menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dianggap sebagai satu idea berani.

Katanya masyarakat antarabangsa tidak seharusnya terlalu mengkritik Malaysia sebagai sebuah negara, sungguhpun kecil tidak dihalang daripada mencapai matlamat yang lebih besar. -- BERNAMA

RIZ ZK MA